# KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
# TARIKH : 30 JULAI 2015 (KHAMIS)

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|---|---|---|
| 1 | Angkat sumpah simpan rahsia | Utusan Malaysia |
| 2 | Kabinet baharu angkat sumpah | Berita Harian |
| 3 | Tak perlu lantikan baru | Sinar Harian |
| 4 | Menteri dan Timbalan Menteri baharu angkat sumpah jawatan di hadapan Agong | BERNAMA |
| 5 | Lafaz ikrar taat setia | Harian Metro |
| 6 | Rombakan kabinet hak mutlak PM, tidak perlu dipolitikkan | BERNAMA |
| 7 | Najib pengerusikan mesyuarat pertaman kabinet hari ini selepas rombakan | BERNAMA |
| 8 | PM Pengerusi mesyuarat pertama selepas rombakan | Sinar Harian |
| 9 | Menteri, timbalan angkat sumpah | Sinar Harian |
| 10 | Menteri baharu angkat sumpah | Kosmo |
| 11 | Kabinet baharu angkat sumpah | Kosmo |
| 12 | Najib pengerusikan mesyuarat pertama Kabinet baharu | Kosmo |
| 13 | Barisan kabinet baharu mampu beri idea dan tenaga baharu | BERNAMA |
| 14 | New cabinet will strengthen government | New Straits Times |
| 15 | New Ministers, deputies sworn in | New Straits Times |
| 16 | New Ministers sworn in | The Star |
| 17 | Public accounts committee | The Star |
| 18 | Gugur daripada kabinet bukan noktah perjuangan untuk rakyat dan parti | BERNAMA |
| 19 | Saya akan terus beri sokongan, bantu perkasakan UMNO | BERNAMA |
| 20 | Jainab harap Menteri KKMM baharu tangani masalah penyebaran berita palsu | BERNAMA |
| 21 | No Deferment | The Sun |

| | | |
|---|---|---|
| 22 | Najib chairs first cabinet meeting after reshuffle | The Sun |
| 23 | Syarikat telekomunikasi lebih terdedah kepada ancaman siber | Kosmo |
| 24 | Rakyat Malaysia percaya telco terdedah kepada pelanggaran data | BERNAMA |

**KERATAN AKHBAR**
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGARA) : MUKA SURAT 4**
**TARIKH: 30 JULAI 2015 (KHAMIS)**

Menteri, Timbalan Menteri baharu menghadap Yang di-Pertuan Agong

# Angkat sumpah simpan rahsia

■ KUALA LUMPUR 29 JULAI

MENTERI Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Hamzah Zainudin hari ini mendahului barisan menteri dan timbalan menteri mengangkat sumpah jawatan dan setia serta sumpah simpan rahsia di hadapan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah di sini.

Upacara itu berlangsung di Bilik Singgahsana Kecil, Istana Negara pada 10 pagi.

Turut hadir Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Selepas Hamzah, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar dan Menteri Pendidikan Datuk Seri Mahdzir Khalid pula mengangkat sumpah jawatan dan taat setia masing-masing.

Mereka kemudian melafazkan ikrar sumpah jawatan dan taat setia sebelum menandatangani dokumen rasmi pelantikan disaksikan oleh Ketua Hakim Negara Tun Arifin Zakaria dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr Ali Hamsa.

Upacara itu diteruskan oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia Senator Datuk Seri Dr. Mohd. Salleh Said Keruak, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) Datuk Seri Azalina Othman Said dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II Datuk Seri Ong Ka Chuan.

Bagaimanapun, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Wilfred Madius Tangau tidak hadir pada istiadat itu.

Beliau dilaporkan berada di Itali.

Upacara penyerahan surat cara pelantikan serta melafaz sumpah jawatan dan taat setia bagi timbalan menteri menyusul dengan didahului Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Johari Baharum, Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Datuk Mas Ermieyati Samsudin dan Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Nur Jazlan Mohamed.

Turut mengangkat sumpah ialah Timbalan Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama) Senator Datuk Dr Asyraf Wadjdi Dusuki, Timbalan Menteri Pendidikan Senator Chong Sin Woon dan Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican.

Ini disusuli oleh Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Ahmad Jazlan Yaakub, Timbalan Menteri Dalam Negeri Masir Anak Kujat dan Timbalan Menteri Kewangan Datuk Johari Abdul Ghani.

Semalam, Najib mengumumkan anggota jemaah menteri dan timbalan menteri baharu bagi mewujudkan pasukan Kabinet yang jitu.

Perdana Menteri berkata beliau yakin Kabinet baharu itu dapat meneruskan hasrat kerajaan untuk menjayakan segala perancangan yang telah dijanjikan, meningkatkan keyakinan serta sokongan rakyat kepada Barisan Nasional. - BERNAMA





*Barisan kabinet (dari kiri) Mahdzir, Wan Junaidi dan Hamzah, manakala gambar kanan (dari kiri) Ka Chuan, Azalina dan Mohd Salleh **mengangkat sumpah** di hadapan Tuanku Abdul Halim pada Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan dan Mengangkat Sumpah Jawatan dan Taat Setia Serta Sumpah Simpan Rahsia Oleh Menteri dan Timbalan Menteri di Istana Negara.*

(FOTO BERNAMA)

# Kabinet baharu angkat sumpah

» *Lafaz ikrar sumpah jawatan, taat setia di hadapan Agong*

▶ Kuala Lumpur

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Hamzah Zainudin mendahului barisan menteri dan timbalan menteri mengangkat sumpah jawatan dan setia serta sumpah simpan rahsia di depan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah di sini semalam.

Upacara yang berlangsung di Bilik Singgahsana Kecil, Istana Negara turut dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi. Selepas Hamzah, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar dan Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid pula mengangkat sumpah jawatan dan taat setia masing-masing.

## Tandatangan dokumen

Mereka kemudian melafazkan ikrar sumpah jawatan dan taat setia sebelum menandatangani dokumen rasmi pelantikan disaksikan oleh Ketua Hakim Negara Tun Arifin Zakaria dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa.

Upacara itu diteruskan oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Mohd Salleh Said Keruak, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) Datuk Seri Azalina Othman Said dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II Datuk Seri Ong Ka Chuan.

Bagaimanapun, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Wilfred Madius Tangau tidak hadir pada istiadat itu. Beliau dilaporkan berada di Itali.

Upacara penyerahan surat cara pelantikan serta melafaz sumpah jawatan dan taat setia bagi timbalan menteri menyusul dengan didahului Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Johari Baharom, Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Datuk Mas Ermieyati Samsudin dan Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Nur Jazlan Mohamed.

Turut mengangkat sumpah Timbalan Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama) Datuk Dr Asyraf Wadjdi Dusuki, Timbalan Menteri Pendidikan, Chong Sin Woon dan Timbalan Menteri Luar, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican. Ini disusuli oleh Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Ahmad Jazlan Yaakub, Timbalan Menteri Dalam Negeri Masir Anak Kujat dan Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Johari Abdul Ghani.

Semalam, Najib mengumumkan anggota jemaah menteri dan timbalan menteri baharu bagi mewujudkan pasukan Kabinet yang jitu.

Perdana Menteri berkata beliau yakin Kabinet baharu itu dapat meneruskan hasrat kerajaan untuk menjayakan segala perancangan yang telah dijanjikan, meningkatkan keyakinan serta sokongan rakyat kepada Barisan Nasional. **BERNAMA**

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (POLITIK) : MUKA SURAT 9
TARIKH : 30 JULAI 2015 (KHAMIS)

# Tak perlu lantikan baru

■ CONNIE S MONICAL

**SHAH ALAM** - Siasatan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) terhadap isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB) tidak akan terjejas walaupun pengerusinya, Datuk Nur Jazlan Mohamed meletakkan jawatan berikutan dilantik sebagai Timbalan Menteri Dalam Negeri.

Timbalan Pengerusi Jawatankuasa PAC yang juga Ahli Parlimen Kepong, Dr Tan Seng Giaw berkata, beliau boleh menggantikan peranan Pengerusi PAC yang dipegang oleh Nur Jazlan.

"Tiada pengerusi, timbalan boleh ambil alih...tidak ada timbalan seorang ahli boleh dilantik sebagai pengerusi," katanya, semalam.

Rombakan Kabinet yang diumumkan kelmarin menyaksikan Pengerusi PAC, Datuk Nur Jazlan Mohamed serta tiga ahlinya, termasuk Reezal Merican Naina Merican, Datuk Mas Ermieyati Samsudin dan Datuk Wilfred Madius Tangau dilantik menganggotai Kabinet.

Susulan pelantikan itu, Nur Jazlan berkata, semua prosiding PAC yang diatur pada Ogos termasuk 1MDB akan ditangguhkan sehingga barisan PAC baharu dilantik pada sidang Dewan Rakyat yang dijadualkan pada Oktober.

Mengulas lanjut, Seng Giaw berkata, mengikut peraturan tetap, tidak perlu adanya sebarang pelantikan.



Dari kiri: Nur Jazlan, Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Mas Ermieyati Samsudin dan Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd Johari Baharum mengangkat sumpah lantikan jawatan.

"Tidak semestinya lantik jawatankuasa baru, kalau ikut peraturan tetap tidak perlu...tidak perlu ada susunan yang baru.

"Empat keluar, kita (PAC) masih ada sembilan ahli yang terdiri daripada lima pembangkang dan empat BN," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, sekiranya ada isu yang cuma menyebabkan siasatan itu terjejas mungkin disebabkan masalah politik atau disabotaj.

Sementara itu, mengulas sama ada bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin boleh dilantik menjadi ahli di dalam PAC, Seng Giaw berkata, boleh selagi Muhyiddin bukan menteri.

"Kalau dia bukan menteri...dia boleh jadi dan jawatankuasa pemilih mesti lantik dan perlu ada persetujuan Parlimen," katanya.

Sementara itu, Reezal Merican ketika diminta mengulas mengenai isu sama berkata, semua pihak perlu yakin dengan siasatan ke atas 1MDB yang dijalankan dengan telus.

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 30 JULAI 2015 (KHAMIS)

# Menteri Dan Timbalan Menteri Baharu Angkat Sumpah Jawatan Di Hadapan Agong



KUALA LUMPUR, 29 Julai (Bernama) -- Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Hamzah Zainudin hari ini mendahului barisan menteri dan timbalan menteri mengangkat sumpah jawatan dan setia serta sumpah simpan rahsia di hadapan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah di sini.

Upacara itu berlangsung di Bilik Singgahsana Kecil, Istana Negara pada 10 pagi.

Turut hadir Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.



Selepas Hamzah, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar dan Menteri Pendidikan Datuk Seri Mahdzir Khalid pula mengangkat sumpah jawatan dan taat setia masing-masing.

Mereka kemudian melafazkan ikrar sumpah jawatan dan taat setia sebelum menandatangani dokumen rasmi pelantikan disaksikan oleh Ketua Hakim Negara Tun Arifin Zakaria dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr Ali Hamsa.

Upacara itu diteruskan oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia Senator Datuk Seri Panglima Dr Mohd Salleh Tun Said Keruak, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) Datuk Seri Azalina Othman Said dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II Datuk Seri Ong Ka Chuan.



1

**[Bagaimanapun, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Wilfred Madius Tangau tidak hadir pada istiadat itu.]**

Beliau dilaporkan berada di Itali.

Upacara penyerahan surat cara pelantikan serta melafaz sumpah jawatan dan taat setia bagi timbalan menteri menyusul dengan didahului Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Johari Baharom, Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Datuk Mas Ermieyati Samsudin dan Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Nur Jazlan Mohamed.

Turut mengangkat sumpah ialah Timbalan Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama) Senator Datuk Dr Asyraf Wadjdi Dusuki, Timbalan Menteri Pendidikan Senator Chong Sin Woon dan Timbalan Menteri Luar Negeri Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican.

Ini disusuli olehh Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Ahmad Jazlan Yaakub, Timbalan Menteri Dalam Negeri Masir Anak Kujat dan Timbalan Menteri Kewangan Datuk Johari Abdul Ghani.

Semalam, Najib mengumumkan anggota jemaah menteri dan timbalan menteri baharu bagi mewujudkan pasukan Kabinet yang jitu.

Perdana Menteri berkata beliau yakin Kabinet baharu itu dapat meneruskan hasrat kerajaan untuk menjayakan segala perancangan yang telah dijanjikan, meningkatkan keyakinan serta sokongan rakyat kepada Barisan Nasional.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 10
TARIKH : 30 JULAI 2015 (KHAMIS)


DARI kiri, Ong Ka Chuan, Azalina dan Mohd Salleh mengangkat sumpah jawatan di hadapan Yang di-Pertuan Agong.




KENDERAAN rasmi yang membawa Ahmad Zahid meninggalkan pekarangan Istana Negara.


SALLEH menandatangani dokumen selepas mengangkat sumpah.

ROMBAKAN KABINET

# LAFAZ IKRAR TAAT SETIA

■ Upacara angkat sumpah berlangsung di Bilik Singgahsana Kecil, Istana Negara

**Kuala Lumpur**

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Hamzah Zainudin mendahului barisan menteri dan timbalan menteri mengangkat sumpah jawatan dan setia serta sumpah simpan rahsia di hadapan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah di sini, semalam.

Upacara itu berlangsung di Bilik Singgahsana Kecil, Istana Negara pada jam 10 pagi.

Turut hadir Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Selepas Hamzah, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar dan Menteri Pendidikan Datuk Seri Mahdzir Khalid pula mengangkat sumpah jawatan dan taat setia masing-masing.

Mereka kemudian melafazkan ikrar sumpah jawatan dan taat setia sebelum menandatangani dokumen rasmi pelantikan disaksikan oleh Ketua Hakim Negara Tun Arifin Zakaria dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr Ali Hamsa.

Upacara itu diteruskan oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia Senator Datuk Seri Panglima Dr Mohd Salleh Tun Said Keruak, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) Datuk Seri Azalina Othman Said dan


AHMAD Zahid melambai tangan kepada media yang menunggu di pintu masuk pekarangan Bangunan Putra Perdana, Putrajaya.

DARI kiri, Mahdzir, Wan Junaidi dan Hamzah Zainudin mengangkat sumpah di hadapan Yang di-Pertuan Agong.

**SAMBUNGAN...**
**HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 11**
**TARIKH : 30 JULAI 2015 (KHAMIS)**



Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II Datuk Seri Ong Ka Chuan.

Bagaimanapun, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Wilfred Madius Tangau tidak hadir pada istiadat itu.

Beliau dilaporkan berada di Itali.

Upacara penyerahan surat cara pelantikan serta melafaz sumpah jawatan dan taat setia bagi timbalan menteri menyusul dengan didahului Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Johari Baharom, Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Datuk Mas Ermieyati Samsudin dan Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Nur Jazlan Mohamed.

**FAKTA**
*Hamzah mendahului barisan menteri mengangkat sumpah*

Turut mengangkat sumpah ialah Timbalan Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama) Senator Datuk Dr Asyraf Wadjdi Dusuki, Timbalan Menteri Pendidikan Senator Chong Sin Woon dan Timbalan Menteri Luar Negeri Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican.

Ini disusuli oleh Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Ahmad Jazlan Yaakub, Timbalan Menteri Dalam Negeri Masir Anak Kujat dan Timbalan Menteri Kewangan Datuk Johari Abdul Ghani. Semalam, Najib mengumumkan anggota jemaah menteri dan timbalan menteri baharu bagi mewujudkan pasukan Kabinet yang jitu.



BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 30 JULAI 2015 (KHAMIS)

BERNAMA.COM
MALAYSIAN NATIONAL NEWS AGENCY

# Rombakan Kabinet Hak Mutlak PM, Tidak Perlu Dipolitikkan - Penganalisis

KUALA LUMPUR, 29 Julai (Bernama) -- Tindakan Datuk Seri Najib Tun Razak menggugurkan Tan Sri Muhyiddin Yassin daripada Kabinet merupakan hak mutlak beliau sebagai perdana menteri dan tidak perlu dipolitikkan, kata penganalisis.

Syed Razak Alsagoff dari Gerakan Rakyat berkata Najib tidak perlu memberi sebarang alasan untuk berbuat demikian kerana ia adalah prerogatifnya sebagai perdana menteri.

"PM (perdana menteri) tak perlu beri apa-apa sebab, tetapi (beliau) tetap terangkan iaitu beliau terbuka kepada kritikan tetapi kena lakukan secara tertutup.

"Kritikan dibuat di forum terbuka dan ini menimbulkan persepsi kurang baik pada kejituan Kabinet, jadi beliau rasa beliau patut bertindak untuk menyatukan semula kerajaan dan parti," katanya dalam program Ruang Bicara terbitan BernamaTV malam tadi.

Dalam rombakan Kabinet yang diumumkannya semalam, Najib melantik Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi sebagai Timbalan Perdana Menteri bagi menggantikan Muhyiddin.

Empat menteri yang turut digugurkan ialah Datuk Seri Mohd Shafie Apdal (Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah), Datuk Seri Hasan Malek (Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan), Datuk Seri G. Palanivel (Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar) dan **Datuk Dr Ewon Ebin (Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi).**

Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Komunikasi Universiti Sains Malaysia Prof Madya Mohamad Md Yussof pula berkata rombakan Kabinet itu dilakukan kerana sudah sampai pada masanya.

"Dah sampai masanya, tiada kaitan dengan isu 1MDB (1Malaysia Development Berhad), tiada kaitan Najib nak 'cover up', memang dijangka satu rombakan akan berlaku sebelum PRU14 (Pilihan Raya Umum Ke-14).

"Ia juga tepat kerana dalam keadaan politik yang kucar-kacir .. kerajaan perlu satu pasukan yang kuat dan jitu, " katanya.

Dua penganalisis itu juga berkongsi pendapat bahawa pelantikan Ahmad Zahid sebagai timbalan perdana menteri adalah tepat memandangkan pengalaman beliau dalam kerajaan selama ini.

"Zahid ada pengalaman, cergas, terima sokongan yang kuat, beliau boleh jadi orang yang mendukung PM, dinamik, tidak lesu, pertimbangan politik yang dibuat PM ini memang tepat pada tempatnya," kata Prof Mohamad.

Syed Razak berkata pelantikan Ahmad Zahid akan memainkan peranan untuk menjitukan barisan kerajaan serta memperkuatkan UMNO.

"PRU14 nanti ini adalah satu cabaran hebat, Zahid akan menjalankan tugas sebaik mungkin kerana beliau akan mengembalikan keyakinan bukan hanya anggota UMNO tetapi juga rakyat," katanya.

Bagaimanapun, penganalisis itu menyarankan kerajaan supaya segera mengambil langkah proaktif dengan menyelesaikan seberapa banyak masalah dan isu rakyat akar umbi dengan tempoh berbaki kira-kira 30 bulan sahaja sebelum PRU14.

Syed Razak berkata tempoh itu wajar digunakan sebaik mungkin bagi kerajaan mencari mekanisme meringankan beban rakyat terutama berkaitan pungutan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

Prof Mohamad pula menggesa supaya tempat beberapa individu dalam Jawatankuasa Kira-Kira Kewangan Negara (PAC) digantikan secepat mungkin agar siasatan kes 1MDB dapat diteruskan dengan lancar.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 30 JULAI 2015 (KHAMIS)

# Najib Pengerusikan Mesyuarat Pertama Kabinet Hari Ini Selepas Rombakan



PUTRAJAYA, 29 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mempengerusikan mesyuarat pertama Kabinet selepas melakukan rombakan dengan melantik beberapa menteri baharu semalam.

Mesyuarat itu, yang bermula kira-kira 2.30 petang di Perdana Putra di sini, menyaksikan menteri-menteri berkenaan ceria dan saling berjabat tangan sambil mengucapkan tahniah kepada satu sama lain sebelum beredar masuk ke bilik mesyuarat.

Enam menteri baharu yang menghadiri mesyuarat itu ialah Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Hamzah Zainudin, Datuk Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar (Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar), Datuk Seri Mahdzir Khalid (Menteri Pendidikan), Senator Datuk Seri Dr Mohd Salleh Tun Said Keruak (Menteri Komunikasi dan Multimedia), Datuk Seri Azalina Othman Said (Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Datuk Seri Ong Ka Chuan (Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II).

**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Wilfred Madius Tangau tidak menghadirinya kerana dilaporkan berada di Itali.**

Pejabat Perdana Menteri dan Radio Televisyen Malaysia (RTM) turut merakamkan gambar menteri-menteri berkenaan secara individu.

Ia adalah mesyuarat Kabinet pertama bagi Hamzah, Wan Junaidi, Mahdzir dan Mohd Salleh, namun bukan bagi Azalina, yang pernah memegang jawatan Menteri Belia dan Sukan dan Menteri Pelancongan, serta Ong yang pernah menyandang jawatan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Semalam, Najib mengumumkan barisan baharu Kabinet dalam satu sidang berita dengan menggugurkan Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Timbalan Perdana Menteri dan menggantikannya dengan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Ahmad Zahid turut mengekalkan portfolionya sebagai Menteri Dalam Negeri.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (LANDSKAP BARU POLITIK) : MUKA SURAT 6
TARIKH: 30 JULAI 2015 (KHAMIS)

# PM pengerusi mesyuarat pertama selepas rombakan

**PUTRAJAYA** - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semalam mempengerusikan mesyuarat pertama Kabinet selepas melakukan rombakan dengan melantik beberapa menteri baharu, kelmarin.

Mesyuarat itu, yang bermula jam 2.30 petang di Perdana Putra di sini, menyaksikan menteri-menteri berkenaan ceria dan saling berjabat tangan sambil mengucapkan tahniah kepada satu sama lain sebelum beredar masuk ke bilik mesyuarat.

Enam menteri baharu yang menghadiri mesyuarat itu ialah Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Hamzah Zainudin, Datuk Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar (Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar), Datuk Seri Mahdzir Khalid (Menteri Pendidikan), Senator Datuk Seri Dr Mohd Salleh Tun Said Keruak (Menteri Komunikasi dan Multimedia), Datuk Seri Azalina Othman Said (Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Datuk Seri Ong Ka Chuan (Kedua Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri).

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Wilfred Madius Tangau tidak menghadirinya kerana dilaporkan berada di Itali.

Pejabat Perdana Menteri dan Radio Televisyen Malaysia (RTM) turut merakamkan gambar menteri-menteri berkenaan secara individu.

Ia adalah mesyuarat Kabinet pertama bagi Hamzah, Wan Junaidi, Mahdzir dan Mohd Salleh, namun bukan bagi Azalina, yang pernah memegang jawatan Menteri Belia dan Sukan dan Menteri Pelancongan, serta Ong yang pernah menyandang jawatan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. - Bernama



**Najib bersalaman dengan Timbalannya, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi selepas mempengerusi mesyuarat, semalam.**

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (LANDSKAP BARU POLITIK) : MUKA SURAT 6
TARIKH: 30 JULAI 2015 (KHAMIS)

# Menteri, timbalan angkat sumpah

**KUALA LUMPUR** - Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Hamzah Zainudin, semalam, mendahului barisan menteri dan timbalan menteri mengangkat sumpah jawatan dan setia serta sumpah simpan rahsia di hadapan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, di sini.

Upacara berlangsung di Bilik Singgahsana Kecil, Istana Negara pada jam 10 pagi.

Selepas Hamzah, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar dan Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid pula mengangkat sumpah jawatan dan taat setia.

Mereka kemudian melafazkan ikrar sumpah jawatan dan taat setia sebelum menandatangani dokumen rasmi pelantikan disaksikan Ketua Hakim Negara, Tun Arifin Zakaria dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa.



**Mahdzir, Wan Junaidi dan Hamzah mengangkat sumpah di hadapan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, semalam.**

Upacara diteruskan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Senator Datuk Seri Panglima Dr Mohd Salleh Tun Said Keruak; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Seri Azalina Othman Said dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Datuk Seri Ong Ka Chuan.

Bagaimanapun, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Wilfred Madius Tangau tidak hadir pada istiadat itu. Beliau dilapor berada di Itali.

Upacara penyerahan surat cara pelantikan serta melafaz sumpah jawatan dan taat setia bagi timbalan menteri menyusul dengan didahului Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Johari Baharom; Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Mas Ermieyati Samsudin dan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan Mohamed.

Turut mengangkat sumpah ialah Timbalan Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama), Senator Datuk Dr Asyraf Wadjdi Dusuki; Timbalan Menteri Pendidikan, Senator Chong Sin Woon dan Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican.

Ini disusuli Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Ahmad Jazlan Yaakub; Timbalan Menteri Dalam Negeri, Masir Anak Kujat dan Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Johari Abdul Ghani.

Kelmarin, Najib mengumumkan anggota jemaah menteri dan timbalan menteri baharu.

Perdana Menteri berkata, beliau yakin Kabinet baharu dapat meneruskan hasrat kerajaan menjayakan perancangan dijanji, tingkat sokongan rakyat kepada BN. -Bernama

**KERATAN AKHBAR**
**BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 7**
**TARIKH: 30 JULAI 2015 (KHAMIS)**




*Barisan kabinet (dari kiri) Mahdzir, Wan Junaidi dan Hamzah, manakala gambar kanan (dari kiri) Ka Chuan, Azalina dan Mohd Salleh **mengangkat sumpah** di hadapan Tuanku Abdul Halim pada Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan dan Mengangkat Sumpah Jawatan dan Taat Setia Serta Sumpah Simpan Rahsia Oleh Menteri dan Timbalan Menteri di Istana Negara.*

(FOTO BERNAMA)

# Kabinet baharu angkat sumpah

» *Lafaz ikrar sumpah jawatan, taat setia di hadapan Agong*

▸ **Kuala Lumpur**

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Hamzah Zainudin mendahului barisan menteri dan timbalan menteri mengangkat sumpah jawatan dan setia serta sumpah simpan rahsia di depan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah di sini semalam.

Upacara yang berlangsung di Bilik Singgahsana Kecil, Istana Negara turut dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi. Selepas Hamzah, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar dan Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid pula mengangkat sumpah jawatan dan taat setia masing-masing.

## Tandatangan dokumen

Mereka kemudian melafazkan ikrar sumpah jawatan dan taat setia sebelum menandatangani dokumen rasmi pelantikan disaksikan oleh Ketua Hakim Negara Tun Arifin Zakaria dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa.

Upacara itu diteruskan oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Mohd Salleh Said Keruak, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) Datuk Seri Azalina Othman Said dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II Datuk Seri Ong Ka Chuan.

Bagaimanapun, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Wilfred Madius Tangau tidak hadir pada istiadat itu. Beliau dilaporkan berada di Itali.

Upacara penyerahan surat cara pelantikan serta melafaz sumpah jawatan dan taat setia bagi timbalan menteri menyusul dengan didahului Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Johari Baharom, Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Datuk Mas Ermieyati Samsudin dan Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Nur Jazlan Mohamed.

Turut mengangkat sumpah Timbalan Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama) Datuk Dr Asyraf Wadjdi Dusuki, Timbalan Menteri Pendidikan, Chong Sin Woon dan Timbalan Menteri Luar, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican. Ini disusuli oleh Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Ahmad Jazlan Yaakub, Timbalan Menteri Dalam Negeri Masir Anak Kujat dan Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Johari Abdul Ghani.

Semalam, Najib mengumumkan anggota jemaah menteri dan timbalan menteri baharu bagi mewujudkan pasukan Kabinet yang jitu.

Perdana Menteri berkata beliau yakin Kabinet baharu itu dapat meneruskan hasrat kerajaan untuk menjayakan segala perancangan yang telah dijanjikan, meningkatkan keyakinan serta sokongan rakyat kepada Barisan Nasional. **BERNAMA**

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA): MUKA SURAT 2
TARIKH : 30 JULAI 2015 (KHAMIS)


TUANKU Abdul Halim berkenan menyampaikan watikah pelantikan kepada Hamzah sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan di Istana Negara semalam.


NAJIB berbincang sesuatu dengan barisan Kabinet baharunya semasa istiadat mengangkat sumpah jawatan dan setia serta sumpah simpan rahsia di Istana Negara semalam.


DARI kiri: Ka Chuan, Azalina dan Mohd. Salleh mengangkat sumpah jawatan masing-masing di hadapan Tuanku Abdul Halim di Istana Negara semalam.

Istiadat berlangsung di hadapan Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara

# Menteri baharu angkat sumpah

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

**KUALA LUMPUR** - Enam menteri dan sembilan timbalan menteri baharu yang dilantik dalam rombakan Kabinet kelmarin mengangkat sumpah jawatan dan setia serta sumpah simpan rahsia di hadapan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah di Istana Negara di sini semalam.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Hamzah Zainudin mendahului upacara tersebut diikuti Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar dan Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid.

Upacara itu diteruskan oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia, Senator Datuk Seri Dr. Mohd. Salleh Tun Said Keruak; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina Othman Said dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Datuk Seri Ong Ka Chuan.

Seorang lagi menteri baharu yang dilantik ialah Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Wilfred Madius Tangau. Beliau tidak hadir pada istiadat itu kerana berada di luar negara.

Turut mengangkat sumpah jawatan dan setia serta sumpah simpan rahsia ialah sembilan timbalan menteri baharu iaitu Datuk Mohd. Johari Baharum, Datuk Mas Ermieyati Samsudin, Datuk Nur Jazlan Mohamed, Senator Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki, Senator Chong Sin Woon, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican, Datuk Ahmad Jazlan Yaakub, Masir Kujat dan Datuk Johari Abdul Ghani.

Kesemua mereka melafazkan ikrar sumpah jawatan dan taat setia di hadapan Tuanku Halim sebelum menandatangani dokumen rasmi pelantikan dengan disaksikan oleh Ketua Hakim Negara, Tun Arifin Zakaria dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa.

Turut hadir dalam majlis itu ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Timbalan Perdana Menteri baharu, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

Ahmad Zahid masih mengekalkan portfolionya sebagai Menteri Dalam Negeri.

Kelmarin, Najib mengumumkan barisan anggota pentadbiran baharunya yang lebih mantap untuk menguruskan negara dengan menggugurkan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin daripada Kabinet.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA): MUKA SURAT 2
TARIKH : 30 JULAI 2015 (KHAMIS)

# Najib pengerusikan mesyuarat pertama Kabinet baharu

**PUTRAJAYA** - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semalam mempengerusikan mesyuarat pertama Kabinet selepas melakukan rombakan dengan melantik beberapa menteri baharu kelmarin.

Mesyuarat yang bermula pukul 2.30 petang di Bangunan Perdana Putra di sini menyaksikan menteri-menteri baharu dan lama berkenaan ceria dan saling berjabat tangan sambil mengucapkan tahniah kepada satu sama lain sebelum beredar masuk ke bilik mesyuarat.

Enam menteri baharu yang menghadiri mesyuarat itu ialah Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Hamzah Zainudin; Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar (Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar); Datuk Seri Mahdzir Khalid (Menteri Pendidikan); Senator Datuk Seri Dr. Mohd. Salleh Tun Said Keruak (Menteri Komunikasi dan Multimedia); Datuk Seri Azalina Othman Said (Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Datuk Seri Ong Ka Chuan (Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II).

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Wilfred Madius Tangau tidak menghadiri mesyuarat kerana berada di Itali.

Ia adalah mesyuarat Kabinet pertama bagi Hamzah, Wan Junaidi, Mahdzir dan Mohd. Salleh, namun bukan asing bagi Azalina yang pernah memegang jawatan Menteri Belia dan Sukan dan Menteri Pelancongan serta Ka Chuan yang pernah menyandang jawatan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Sementara itu, dalam catatan Facebooknya semalam, Najib melahirkan keyakinan bahawa barisan Kabinet baharunya boleh memacu kemampuan kerajaan untuk melaksanakan janji-janji yang dibuat kepada rakyat pada pilihan raya umum lalu.

"Berikutan mandat demokratik diberikan kepada Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum 2013, adalah menjadi tanggungjawab saya untuk memastikan kerajaan menjayakan program transformasi Malaysia.

"Tiada apa yang lebih penting daripada keperluan Malaysia dan rakyatnya - saya akan sentiasa mendahulukan kepentingan mereka daripada semua perkara lain," kata beliau.

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 30 JULAI 2015 (KHAMIS)

BERNAMA.COM
MALAYSIAN NATIONAL NEWS AGENCY

# Barisan Kabinet Baharu Mampu Beri Idea Dan Tenaga Baharu

SEREMBAN, 29 Julai (Bernama) -- Barisan Kabinet baharu diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak semalam, dilihat mampu memberikan idea dan tenaga baharu untuk menerajui pentadbiran kerajaan, kata Menteri Besar Negeri Sembilan Datuk Seri Mohamad Hasan.

Beliau turut mengucapkan tahniah kepada Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang telah dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri.

"Tahniah diucapkan kepada perdana menteri kerana telah membentangkan satu rombakan kabinet yang diharap akan dapat bekerja sebagai satu pasukan membantu Perdana Menteri.

"Menubuhkan dan menamakan anggota kabinet adalah kuasa Perdana Menteri, jadi kita tak dapat persoalkan siapa dan jawatan apa, itu semua terpulang kepada beliau selaku perdana menteri," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Mesyuarat Mingguan Exco di Wisma Negeri di sini, Rabu.

Dalam pada itu, Mohamad berkata beliau bagi pihak kerajaan negeri mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tan Sri Muhyiddin Yassin yang telah berkhidmat sebagai timbalan perdana menteri selama enam tahun.

"Banyak jasa beliau kepada negara dan juga sumbangan beliau kepada negeri ini. Kita ucapkan banyak terima kasih di atas segala khidmat dan sumbangan yang telah beliau curahkan selama beliau menjadi TPM," katanya.

Di KOTA KINABALU, Pengerusi Perhubungan MIC Sabah Datuk V Jothi berkata rombakan kabinet merupakan perkara biasa dalam politik untuk mengukuhkan urusan pentadbiran negara.

"Tiada yang pelik mahupun petanda buruk mengenai rombakan itu seperti yang cuba digambarkan oleh sesetengah pihak. Itu perkara biasa dalam dunia politik yang memerlukan perubahan.

"Najib cuma ingin memastikan anggota kabinetnya boleh bekerja dengan beliau (sebagai satu pasukan)," katanya kepada Bernama.

Beliau percaya perubahan itu akan membawa negara ke tahap lebih maju dan cemerlang pada masa hadapan.

"Saya berharap barisan Kabinet sekarang akan bekerja kuat untuk memastikan kejayaan Barisan Nasional pada pilihan raya umum akan datang serta dapat menawan semula kerusi yang terlepas kepada pembangkang pada pilihan raya lalu seterusnya boleh terus memerintah negara ini," katanya.

Sementara itu, Penolong Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Sabah Datuk Seri Masidi Manjun berkata anggota Kabinet yang baharu hendaklah bergerak senada berpegang kepada prinsip 'tanggungjawab bersama' yang menjadi amalan dalam sistem demokrasi.

"Ini bagi memastikan mereka dapat mentadbir negara dengan baik. Jika mereka tidak senada, perlu berundur secara sukarela atau bersedia untuk digantikan...inilah sistem kerajaan di seluruh dunia," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat Festival Kesenian Rakyat Antarabangsa (SIFF) ke-10 di sini, Rabu.

Dalam pada itu, Masidi yang juga Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah menyambut baik pelantikan dua menteri baharu dari Sabah dan berharap mereka dapat membawa perubahan dan memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat, khususnya di Sabah.

Katanya pelantikan Datuk Seri Dr Mohd Salleh Tun Said Keruak sebagai Menteri Komunikasi dan Multimedia merupakan peluang bagi kementerian itu untuk memberi penerangan efisien mengenai status dan imej sebenar Sabah dan juga Sarawak.

Beliau juga yakin Pemangku Presiden Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) **Datuk Wilfred Madius Tangau yang dilantik sebagai Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi** yang baharu mampu menjalankan tugas itu dengan cemerlang.

Di KELANTAN, Ketua UMNO Bahagian Pasir Puteh Zawawi Othman berkata rombakan Kabinet yang dilakukan perdana menteri adalah untuk kepentingan rakyat dan negara dan perlu disokong.

"UMNO Bahagian Pasir Puteh percaya perdana menteri sudah memikirkan serta membuat keputusan terbaik untuk rakyat dan negara ini," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan kepada penduduk yang dilanda banjir pada Disember tahun lepas, di Kampung Pulau Lima di Pasir Puteh hari ini.

Anggota Dewan Undangan Negeri Semerak itu berkata negara tidak akan stabil sekiranya mempunyai barisan kepimpinan yang tidak sehaluan dan bercanggah pendapat.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 3
TARIKH: 30 JULAI 2015 (KHAMIS)

# 'New cabinet will strengthen government'

**FRESH LINE-UP:**

## Najib chairs first meeting with newly appointed ministers

**ADRIAN LAI**
KUALA LUMPUR
adrianlai@nst.com.my



***Prime Minister Datuk Seri Najib Razak chairing the first cabinet meeting*** *following a reshuffle at the Perdana Putra complex in Putrajaya yesterday.* **Bernama pic**

PRIME Minister Datuk Seri Najib Razak chaired the first cabinet meeting after Tuesday's reshuffle, which saw the appointment of several new ministers.

The weekly meeting, which began at 2.30pm at the Perdana Putra complex, saw ministers shaking hands and congratulating each other before proceeding to the meeting room.

The newly appointed ministers, including Domestic Trade, Cooperatives and Consumerism Minister Datuk Hamzah Zainudin, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar (natural resources and environment minister), Datuk Seri Mahdzir Khalid (education minister), attended the meeting.

Others were Senator Datuk Seri Dr Mohd Salleh Said Keruak (communication and multimedia minister), Datuk Seri Azalina Othman Said (minister in Prime Minister's Department) Datuk Seri Ong Ka Chuan (second international trade and industry minister).

They were photographed individually by the Prime Minister's Office, as well as Radio Televisyen Malaysia.

Science, Technology and Innovation Minister Datuk Wilfred Madius Tangau did not attend the meeting. He is reportedly in Italy.

In a Facebook posting later, the prime minister said the new cabinet line-up would ensure the government had the strength and unity to carry out development plans for Malaysia.

The line-up would also help the government in facing challenges, he added.

He said it was his duty as prime minister to ensure the government delivered on its promises, following the democratic mandate given to Barisan Nasional in the 13th General Election.

Najib also expressed confidence that the new cabinet line-up would increase public confidence in the government and BN ahead of the next general election, scheduled to be held by 2018.

"Barisan Nasional was founded on the principles of unity. That is the hallmark of this nation — and the recipe for our future success," he said.

Najib, in the same posting, reiterated that the decision to drop Tan Sri Muhyiddin Yassin as deputy prime minister was a difficult one.

"But leadership is about doing what you think is right. To deliver for Malaysia, I must have a solid and unified team moving in the same direction."

Najib stressed that while he accepted criticisms and dissent from his ministers, such discourse should be conducted within the confines of the cabinet as part of the decision-making process.

"Members of the cabinet should not air their differences in an open forum that can affect public opinion against the government and Malaysia. It is contrary to the concept of collective responsibility that is the foundation of cabinet government."

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 11
TARIKH : 30 JULAI 2015 (KHAMIS)

# New ministers, deputies sworn in

**DYNAMIC:** Revamped cabinet pledges to work as a team to serve the people, face challenges

**KUALA LUMPUR**

DOMESTIC Trade, Cooperatives and Consumerism Minister Datuk Hamzah Zainuddin led the line-up of new ministers and deputy ministers in taking their oaths of office and secrecy before Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah here yesterday morning.

The swearing-in took place at the Bilik Singgahsana Kecil at the Istana Negara.

After Hamzah, Natural Resources and Environment Minister Datuk Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar and Education Minister Datuk Seri Mahdzir Khalid were sworn in.

The three ministers then signed the instrument of appointment before Chief Justice Tun Arifin Zakaria and Chief Secretary to the Government Tan Sri Dr Ali Hamsa.

Subsequently, Communications and Multimedia Minister Senator Datuk Seri Salleh Said Keruak, Minister in the Prime Minister's Department Datuk Seri Azalina Othman Said and Second International Trade and Industry Minister Datuk Seri Ong Ka Chuan took their oaths.

Science, Technology and Innovation Minister Datuk Wilfred Madius Tangau did not attend the swearing-in. He is reportedly in Italy.

Prime Minister Datuk Seri Najib Razak and Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi were present at the ceremony.

The swearing-in of the new deputy ministers began with Deputy Defence Minister Datuk Johari Baharom taking the oath. Subsequently, Deputy Tourism and Culture Minister Datuk Mas Ermieyati Samsudin and Deputy Home Minister Datuk Nur Jazlan Mohamed took their oaths.

The rest of the nine new deputy ministers also took their oath of office and secrecy yesterday.

They are Senator Datuk Dr Asyraf Wadjdi Dusuki (Prime Minister's Department - religious affairs), Senator Chong Sin Woon (Education), Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican (Foreign Affairs), Datuk Ahmad Jazlan Yaakub (Rural and Regional Development), Masir Anak Kujat (Home Affairs) and Datuk Johari Abdul Ghani (Finance).

Najib announced the cabinet reshuffle on Tuesday.

He said he wanted a cabinet that could function as one solid and unified team.

He said he was convinced that the new cabinet would be able go ahead with the government's desire to implement all promised programmes and raise the people's confidence and support for Barisan Nasional.

The new cabinet ministers pledged to work as a team to serve the people despite facing challenges.

Azalina said she would move and work with the other cabinet members as a team to face challenges from social media that had a big influence on the people.

> **"The new line-up will give strength to Umno and BN** because Malaysians are not like before due to the advent of social media, which should be used as a positive platform for our leadership."
>
> ***Datuk Seri Azalina Othman Said***
> *Minister in the Prime Minister's Department*

"The new line-up will give strength to Umno and BN because Malaysians are not like before due to the advent of social media, which should be used as a positive platform for our leadership."

Wan Junaidi said the new line-up was seen as dynamic and, together, could form a team with one voice in helping the government to deal with conflicts.

"I will emphasise on environmental-related issues, including land clearing in Cameron Highlands and erratic climatic changes, to ensure that large scale floods do not recur."

Hamzah said he was ready to execute his responsibility to increase domestic trade that could benefit consumers and the country.

**Bernama**

**KERATAN AKHBAR**
**THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 2**
**TARIKH: 30 JULAI 2015 (KHAMIS)**

# New ministers sworn in



**New chapter:** Tuanku Abdul Halim presenting the instrument of appointment to Ong during the swearing-in ceremony at Istana Negara. — Bernama

## Hamzah leads line-up in taking oaths before King at Istana Negara

**KUALA LUMPUR:** Domestic Trade, Cooperatives and Consumerism Minister Datuk Hamzah Zainuddin led the line-up of new ministers and deputy ministers in taking their oath of office and secrecy before Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah.

The swearing-in took place at the Bilik Singgahsana Kecil (Small Throne Room) at Istana Negara yesterday morning.

After Hamzah, Natural Resources and Environment Minister Datuk Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar and Education Minister Datuk Seri Mahdzir Khalid were sworn in.

The three ministers then signed the instrument of appointment before Chief Justice Tun Arifin Zakaria and Chief Secretary to the Government Tan Sri Dr Ali Hamsa.

Also taking their oaths were Communications and Multimedia Minister Senator Datuk Seri Dr Mohd Salleh Said Keruak, Minister in the Prime Minister's Department Datuk Seri Azalina Othman Said and International Trade and Industry Minister II Datuk Seri Ong Ka Chuan.

Science, Technology and Innovation Minister Datuk Wilfred Madius Tangau did not attend the swearing-in. He is reportedly in Italy.

Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak and Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi were present at the ceremony.

The swearing-in of the new deputy ministers began with Deputy Defence Minister Datuk Johari Baharom taking the oath.

This was followed by Deputy Tourism and Culture Minister Datuk Mas Ermieyati Samsudin and Deputy Home Minister Datuk Nur Jazlan Mohamed.

The rest of the nine new deputy ministers also took their oath of office and secrecy.

They are Senator Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki (Prime Minister's Department – religious affairs), Senator Chong Sin Woon (Education), Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican (Foreign Affairs), Datuk Ahmad Jazlan Yaakub (Rural and Regional Development), Masir Kujat (Home Affairs) and Datuk Johari Abdul Ghani (Finance). — Bernama

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 03
TARIKH: 30 JULAI 2015 (KHAMIS)

## Public Accounts Committee

Comprises eight MPs from Barisan Nasional and five from the Opposition

### Chairman



**Datuk Nur Jazlan Mohamed**
(BN-Pulai)
Deputy Home Minister

### Deputy chairman



**Dr Tan Seng Giaw**
(DAP-Kepong)
*Accountant*

### Members



**Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican**
(BN-Kepala Batas)
Deputy Foreign Minister



**Datuk Kamarul Baharin Abbas**
(PKR-Teluk Kemang)
*Marketing Executive*



**Datuk Mas Ermieyati Samsudin**
(BN-Masjid Tanah)
Deputy Tourism & Culture Minister



**William Leong Jee Ken**
(PKR-Selayang)
*Lawyer*



**Datuk Abd Aziz Sheikh Fadzir**
(BN-Kulim Bandar Baru)
*Managing Director*



**Datuk Kamaruddin Jaafar**
(PAS-Tumpat)
*Businessman*



**Liang Teck Meng**
(BN-Simpang Renggam)
*Engineer*



**Tony Pua Kiam Wee**
(DAP-Petaling Jaya Utara)
*Economist*



**Datuk Madius Tangau**
(BN-Tuaran)
Science, Technology & Innovation Minister



**Hasbi Habibollah**
(BN-Limbang)
*Engineer*



**Datuk Wee Jeck Seng**
(BN-Tanjung Piai
*Businessman*

**BERITA ONLINE**
**BERNAMA.COM**
**TARIKH: 30 JULAI 2015 (KHAMIS)**

# Gugur Daripada Kabinet Bukan Noktah Perjuangan Untuk Rakyat Dan Parti - Idris Haron

MELAKA, 29 Julai (Bernama) -- Digugurkan daripada jawatan kabinet bukanlah noktah dalam perjuangan untuk memberikan khidmat terbaik kepada rakyat dan parti, kata Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Idris Haron.

Beliau berkata ketika digugurkan sebagai Timbalan Menteri Pengajian Tinggi pada 2009, beliau merasakan ia pengalaman yang perlu dilupakan namun selepas menenangkan diri, beliau tekad untuk meneruskan usahanya membantu rakyat dan UMNO.

"Mulanya memang saya terperanjat (terima berita digugurkan) tetapi bila lalui proses tenangkan diri, akhirnya saya sedar pilihan itu datang daripada diri saya sendiri, kalau saya biarkan diri, saya tiada keazaman membantu rakyat dan parti saya akan terbiar.

"Saya berazam terus jaga kawasan saya (Anggota Parlimen Tangga Batu) dan bahagian saya (Ketua Bahagian UMNO Tangga Batu), tambah pengundi, tambahkan sokongan kepada UMNO dan terus bantu rakyat," katanya kepada pemberita di luar Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka di sini, Rabu.

Dalam rombakan Kabinet semalam, Najib menggugurkan Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan.

Empat menteri yang turut digugurkan ialah Datuk Seri Mohd Shafie Apdal (Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah), Datuk Seri Hasan Malek (Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan), Datuk Seri G. Palanivel (Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar) dan **Datuk Dr Ewon Ebin (Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi).**

Idris juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Muhyiddin atas segala usaha yang dilakukannya dalam memajukan negara dan memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat.

Beliau percaya pengguguran itu tidak akan melemahkan semangat Muhyiddin untuk terus berjuang bersama UMNO demi memastikan parti itu sentiasa dalam kekuatan tertinggi.

Terdahulu, ketika menggulung ucapan penangguhan dalam Persidangan DUN Melaka, Idris turut menyampaikan penghargaan kepada Muhyiddin atas khidmatnya sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Speaker Datuk Othman Muhamad kemudian menangguhkan persidangan itu ke satu tarikh yang akan diberitahu kelak.

-- BERNAMA

BERNAMA.COM
MALAYSIAN NATIONAL NEWS AGENCY
BERNAMA

# Saya Akan Terus Beri Sokongan, Bantu Perkasakan Umno - Abdul Rahim

KOTA KINABALU, 29 Julai (Bernama) -- Bekas Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Abdul Rahim Bakri berikrar untuk terus menyokong dan membantu Presiden UMNO Datuk Seri Najib Tun Razak untuk memperkasakan UMNO.

Abdul Rahim, seorang daripada yang digugurkan daripada barisan Kabinet baharu yang diumumkan perdana menteru semalam berkata, UMNO telah memberinya banyak pendedahan dan pengalaman dalam pelbagai bidang termasuk politik arus perdana dan pentadbiran kerajaan.

"Saya juga akan terus memberi sokongan dan pertolongan kepada Presiden dan Perdana Menteri Datuk Seri Najib bagi memperkasa parti saya UMNO yang telah banyak berjasa membuka ruang untuk berkesempatan melibatkan diri dalam arus perdana politik dan berkhidmat dalam pentadbiran negara sepanjang hidup saya," katanya.

Abdul Rahim yang juga Anggota Parlimen Kudat berkata demikian dalam posting terbaharu dalam laman Facebook beliau di sini Rabu.

Beliau juga mengucapkan syukur dan jutaan terima kasih kepada Najib kerana telah melantik dan memberi peluang kepadanya berkhidmat untuk negara selama enam tahun (dari 2009-2015) sebagai Timbalan Menteri Pengangkutan dan Timbalan Menteri Pertahanan yang berakhir hari ini, walaupun beliau hanyalah anggota Parlimen biasa tanpa jawatan dalam parti.

"Saya juga mengucapkan terima kasih kepada mantan Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi kerana melantik saya sebagai Timbalan Menteri Luar pada tahun 2008. Tidak lupa juga kepada Tan Sri Syed Hamid Albar yang telah membolehkan saya berkhidmat sebagai duta selama empat tahun 2000-2004 dengan lama berkhidmat dalam 'public office' selama 11 tahun," katanya.

Menurut Abdul Rahim, beliau kini akan meluangkan masanya untuk berkhidmat dengan lebih kerap dan berkesan kepada pengundi di kawasannya.

"Terima Kasih Tuan..." kata Abdul Rahim.

Dalam rombakan Kabinet persekutuan semalam, selain Abdul Rahim, Najib menggugurkan Muhyiddin sebagai Timbalan Perdana Menteri dan menggantikannya dengan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Empat menteri kabinet yang turut digugurkan ialah Datuk Seri Hasan Malek, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal, Datuk Seri G. Palanivel dan Datuk Dr Ewon Ebin.

Dua muka baharu dari Sabah yang dilantik menganggotai barisan Kabinet baharu berkenaan ialah Datuk Seri Dr Mohd Salleh Tun Said Keruak sebagai Menteri Komunikasi dan Multimedia dan **Datuk Wilfred Madius Tangau sebagai Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.**

-- BERNAMA

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 30 JULAI 2015 (KHAMIS)

BERNAMA.COM
MALAYSIAN NATIONAL NEWS AGENCY

# Jainab Harap Menteri KKMM Baharu Tangani Masalah Penyebaran Berita Palsu

KOTA KINABALU, 29 Julai (Bernama) -- Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Sabah Datuk Jainab Ahmad Ayid berharap Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Seri Panglima Dr Mohd Salleh Tun Said Keruak yang baharu dilantik dapat menangani masalah penyebaran berita palsu, terutama menerusi Internet.

"Saya berharap Datuk Mohd Salleh dapat menangani masalah penyebaran berita palsu dan masalah sosial yang diwujudkan di alam maya," katanya dalam kenyataan di sini, Rabu.

Menyokong penuh pelantikan Mohd Salleh memegang portfolio itu, Jainab berkata ia berdasarkan pengalaman luas yang dimiliki bekas Speaker Dewan Undangan Negeri Sabah itu dalam dunia maya sebagai seorang blogger.

Mohd Salleh merupakan antara menteri baharu yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dalam rombakan Kabinet di Putrajaya, semalam.

Jainab berkata beliau juga berharap Mohd Salleh akan segera menyelesaikan isu harga kad prabayar yang dikenakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) kerana ia membabitkan pengguna terutama golongan muda.

Selain Mohd Salleh, **anggota Parlimen Tuaran Datuk Wilfred Madius Tangau yang juga Pemangku Presiden Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) turut dilantik menjadi Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.**

Jainab menyifatkan pelantikan kedua-dua menteri baharu dari Sabah itu sebagai bukti pengiktirafan kerajaan pusat kepada wakil rakyat negeri ini.

Justeru, dengan adanya dua kepemimpinan baharu itu, Jainab berharap ia akan dapat membantu memacu pembangunan negara lebih progresif dan mengutamakan kepentingan rakyat.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR**
**THE SUN : MUKA SURAT 1**
**TARIKH: 30 JULAI 2015 (KHAMIS)**



BERNAMAPIX

**WE WILL SERVE** ... (From left) International Trade and Industry Minister II Datuk Seri Ong Ka Chuan, Minister in the Prime Minister's Department Datuk Seri Azalina Othman Said and Communications and Multimedia Minister Senator Datuk Seri Mohd Salleh Said Keruak taking their oath of office before Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah at Istana Negara yesterday. Looking on is Prime Minister Datuk Seri Najib Abdul Razak.

# NO DEFERMENT

## PAC hearing on 1MDB to go on NEXT WEEK, says deputy chairman

BY **VATHANI PANIRCHELLVUM**
newsdesk@thesundaily.com

**KUALA LUMPUR:** The Public Accounts Committee's hearing on the 1Malaysia Development Berhad (1MDB) issue will continue as scheduled next week.

"The probe will still continue as PAC has enough quorum to continue despite former chairman Datuk Nur Jazlan Mohamed and three other members being made deputy ministers," PAC deputy chairman Dr Tan Seng Giaw declared yesterday.

Besides Nur Jazlan, who is now deputy home minister, the other PAC members who have joined the government administration are Datuk Wilfred Madius Tangau, who was appointed science, technology and innovation minister; Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican, who was made deputy foreign minister; and Datuk Mas Ermieyati Samsudin, who is now tourism and culture deputy minister.

"We still have nine members to carry out our responsibilities. It is inappropriate to stop the probe at this point," Tan told a media conference in Parliament.

The nine remaining PAC members comprise four from Barisan Nasional (BN) and five from the Opposition.

The BN members are Datuk Abd Aziz Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baru MP), Datuk Liang Teck Meng (Simpang Renggam MP), Hasbi Habibollah (Limbang MP) and Datuk Wee Jeck Seng (Tanjung Piai MP).

The Opposition members are

TURN TO PAGE 04 ▶

**KERATAN AKHBAR**
**THE SUN (NEWS WITHOUT BORDERS) : MUKA SURAT 2**
**TARIKH: 30 JULAI 2015 (KHAMIS)**

# Najib chairs first Cabinet meeting after reshuffle

PUTRAJAYA: Prime Minister Datuk Seri Najib Abdul Razak yesterday chaired the first Cabinet meeting after the reshuffle on Tuesday, which saw the appointment of several new ministers.

The meeting, which started at about 2.30pm at Perdana Putra here, saw cheerful ministers shaking hands and congratulating each other before proceeding to the meeting room.

Six of the new Cabinet members attended the meeting.

They were Domestic Trade, Cooperatives and Consumerism Minister Datuk Hamzah Zainudin, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar (natural resources and environment minister), Datuk Seri Mahdzir Khalid (education minister), Senator Datuk Seri Dr Mohd Salleh Said Keruak (communications and multimedia minister), Datuk Seri Azalina Othman Said (minister in prime minister's department) and Datuk Seri Ong Ka Chuan (second international trade and industry minister).

All of them were photographed individually by the Prime Minister's Office as well as Radio Televisyen Malaysia.

Science, Technology and Innovation Minister Datuk Wilfred Madius Tangau did not attend the meeting. He is reportedly in Italy.

It was the first Cabinet meeting for four of them while the other two, Azalina and Ong, had previously been Cabinet ministers. The former held the post of youth and sports minister and tourism minister, and the latter, the housing and local government minister until 2009.

Meanwhile, Azalina said she would move as a team to face challenges from social media that currently had a big influence on the people.

Wan Junaidi said the new line-up was seen as dynamic and could form a team with one voice in helping the government deal with various conflicts.

Hamzah is ready to carry out his duty to increase domestic trade that could benefit consumers and the country. – Bernama

**KERATAN AKHBAR**
**KOSMO (NEGARA): MUKA SURAT 19**
**TARIKH : 30 JULAI 2015 (KHAMIS)**

# Syarikat telekomunikasi lebih terdedah kepada ancaman siber

**PETALING JAYA** - Kira-kira 52 peratus rakyat Malaysia menganggap maklumat yang diberikan kepada syarikat telekomunikasi adalah paling mudah diakses untuk tujuan pencerobohan maklumat.

Kajian yang dibuat itu mendapati, lebih separuh daripada 500 individu yang disoal selidik merasakan maklumat disimpan syarikat telekomunikasi adalah lebih terdedah untuk diceroboh dan disalahguna berbanding industri-industri lain.



Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia (CSM), Dr. Amirudin Abdul. Wahab (**gambar**) berkata, kajian tersebut dibuat oleh syarikat informasi maklumat Unisys Malaysia pada April dan Mei lalu.

"Walaupun rakyat Malaysia berpendapat perkongsian data yang dibuat kepada industri lain seperti perbankan dan penerbangan adalah lebih selamat namun, langkah berjaga-jaga masih harus diambil oleh semua pihak bagi memastikan maklumat peribadi tidak diakses oleh mereka yang berniat jahat.

"Industri yang terlibat juga haruslah sentiasa memantapkan lagi tahap keselamatan data pengguna untuk mengelak pencerobohan yang tidak diingini," katanya ketika ditemui di ibu pejabat Unisys di sini semalam.

Institusi lain yang terlibat dalam kaji selidik itu adalah peruncit, perbankan, penerbangan, utiliti, kesihatan dan kerajaan.

Beliau turut menambah, adalah amat penting bagi pengguna itu sendiri untuk tidak mendedahkan maklumat peribadi secara terang-terangan seperti di media sosial.

Katanya, CSM juga menjalankan kempen secara berterusan untuk mendidik pengguna akan kepentingan keselamatan siber.

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 30 JULAI 2015 (KHAMIS)

BERNAMA.COM
MALAYSIAN NATIONAL NEWS AGENCY

# Rakyat Malaysia Percaya Telco Terdedah Kepada Pelanggaran Data

PETALING JAYA, 29 Julai (Bernama) -- Kajian terkini mendedahkan rakyat Malaysia percaya syarikat telekomunikasi (telco) lebih terdedah kepada serangan pelanggaran data peribadi pengguna dalam tempoh 12 bulan akan datang berbanding organisasi lain.

Kajian itu dijalankan Unisys Corporation melalui Unisys Security Insights.

Di Malaysia, kajian itu dijalankan oleh badan penyelidikan bebas, Lieberman Research Group membabitkan 503 orang dewasa antara April dan Mei tahun ini.

Kajian itu bertanya kepada pengguna di 12 negara mengenai kemungkinan data peribadi mereka diakses oleh orang yang tidak berkenaan, secara sengaja atau tidak sengaja melalui tujuh organisasi seperti syarikat penerbangan, perbankan/kewangan, kerajaan, penjagaan kesihatan, peruncit, telco dan utiliti.

Kajian itu mendapati 59 peratus warga Malaysia menjangkakan pelanggaran data maklumat peribadi di telco diikuti kerajaan (49 peratus), penyedia penjagaan kesihatan (41 peratus), utiliti termasuk pembekal tenaga atau air (41 peratus), syarikat penerbangan (36 peratus), perbankan dan kewangan (35 peratus) dan peruncit (33 peratus).

Pengarah Program Keselamatan Unisys Asia Pasifik John Kendall berkata adalah penting bagi organisasi mengambil langkah-langkah pencegahan untuk melindungi data peribadi pengguna dan membina kepercayaan mereka.

"Syarikat telekomunikasi perlu mengambil bukan hanya langkah pencegahan, tetapi juga membuat langkah-langkah yang boleh dilihat untuk membina dan mengekalkan keyakinan orang ramai.

"Selain itu, walaupun peruncit, perbankan dan syarikat penerbangan dianggap paling dipercayai di kalangan yang lain, mereka juga perlu pastikan kepercayaan itu dikekalkan kerana ia akan terus memperoleh lebih maklumat tentang pengguna mereka dalam usaha menyediakan perkhidmatan peribadi dan tawaran," katanya pada Taklimat Media 2015 oleh Unisys Security Insights dan **CyberSecurity Malaysia** di Unisys Malaysia, di Damansara Utama di sini Rabu.

**Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia Dr Amiruddin Abdul Wahab.**

-- BERNAMA